

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah perancangan untuk mendalamkan muara Batang Rajang di Tanjung Manis kerana kedalaman muara semakin berkurangan disebabkan beting pasir dan menggangu laluan pelayaran perkapalan di Pelabuhan Tanjung Manis.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kawal selia alur pelayaran kapal di Muara Batang Rajang hingga ke Pelabuhan Tanjung Manis adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Perkara ini adalah selaras dengan **Bahagian VI, Bab 8, Perkara 95B(1)(a), Senarai IIA, Perkara 15, Perlembagaan Persekutuan** seperti berikut:

95b. (1) Dalam hal Negeri Sabah dan Sarawak

(a) tambahan kepada **Senarai II** yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Senarai Negeri, dan perkara-perkara yang disebut satu persatu dalamnya hendaklah disifatkan **tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama**;

Senarai IIA

15. Pelabuhan dan pangkalan, selain yang diisyiharkan sebagai pelabuhan dan pangkalan persekutuan melalui atau di bawah undang-undang persekutuan; **pengawalseliaan lalu lintas mengikut jalan air di pelabuhan dan pangkalan atau di sungai-sungai yang keseluruhannya terletak di dalam Negeri itu, kecuali lalu lintas di pelabuhan atau pangkalan persekutuan**;

NO. SOALAN: 11

2. Justeru, peruntukan tersebut dapat ditafsirkan bahawa, pengawalseliaan lalu lintas mengikut jalan air di pangkalan, atau di sungai-sungai yang keseluruhannya terletak di dalam Negeri itu, kecuali lalu lintas di pelabuhan dan pangkalan Persekutuan adalah tanggungjawab Negeri tersebut. Maka, sebarang perancangan bagi mendalamkan muara Sungai Rajang termasuk kerja-kerja pengerukan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.